

PERDANA LIBRARY  
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION  
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	11 May 2015

## PM tak tunduk desakan undur

BH - 11/5/2015

### » *Najib terus tanggungjawab selagi rakyat, ahli parti beri sokongan*

Oleh Wan Faizal Ismayatim,  
Mohd Izham Unnip Abdullah,  
Mohd Nazlie Zainul dan  
Abdul Rahemang Taiming  
bh.news@bh.com.my

h Tawau

**D**atuk Seri Najib Razak tidak akan tunduk terhadap tekanan mana-mana pihak, termasuk Tun Dr Mahathir Mohamad yang mahu beliau meletak jawatan sebagai Perdana Menteri dan Presiden UMNO.

Beliau yang buat kali pertama menjawab kritikan Dr Mahathir secara terbuka dan lantang berkata, beliau mendapat mandat yang kukuh menjadi Perdana Menteri selepas dipilih sebagai Presiden UMNO tanpa bertanding, selain kemenangan 60 peratus kerusi oleh Barisan Nasional (BN) pada Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13).

Katanya, kemenangan itu membolehkan BN menubuhkan kerajaan bagi tempoh lima tahun dan tiada siapa berhak memintanya berundur kerana ia mandat yang diberikan oleh rakyat.

"Takkan suara seorang boleh mengatasi suara rakyat yang beri mandat kepada kita.

Saya nak kata kepada semua bahawa saya takkan tunduk kepada mana-mana tekanan... saya cuma tunduk kepada ahli parti dan rakyat.

"Selagi ahli parti menyokong saya, selagi rakyat beri kepercayaan, saya tetap teruskan perjuangan," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Solidariti Rakyat Sabah Bersama Perdana Menteri, di Padang Bandaran Tawau, di sini, semalam.

Najib dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor yang tiba jam 4.15 petang dengan diiringi Ketua Menteri Sabah, Datuk Seri Musa Aman dan pemimpin UMNO serta Barisan Nasional (BN) Sabah, disambut meriah kira-kira 40,000 rakyat.

Sokongan saat ujian getir Yang turut hadir ialah Timbalan Ketua Menteri Sabah, Tan Sri Joseph Pairin Kitingan; Menteri Belia dan Sukan Sabah yang juga Ketua UMNO Tawau, Datuk Tawfiq Abu Bakar Titingan dan Ahli Parlimen Kalabakan, Datuk Seri Abdul Ghapur Salieh.

Najib juga mengingatkan Dr Mahathir agar tidak lupa sokongan yang pernah diterima ketika berdepan ujian getir ketika meiyadi Presiden UMNO dan Perdana Menteri.

Perdana Menteri berkata, tanpa sokongan daripada pemimpin lain, Dr Mahathir mungkin tidak menjadi Perdana Menteri sehingga 22 tahun lamanya.

Katanya, setiap pemimpin termasuk beliau pasti menempuh pelbagai ujian dan tidak

terkecuali Dr Mahathir yang menghadapi lebih banyak ujian selama 22 tahun menjadi pemimpin nombor satu negara.

Beliau berkata, ketika perpecahan dalam UMNO pada tahun 1987, Dr Mahathir berdepan ujian getir apabila hampir 50 peratus ahli UMNO menyuruhnya meletak jawatan.

"Saya adalah antara yang menyokong dia. Dia kekal rnenjadi Perdana Menteri sebab kita bersama dalam susah. Bila dalam susah kita beri sokongan, maka dia kekal.

"Kaiaku kita tidak sokong pemimpin yang menghadapi ujian, Dr Mahathir tidak boleh kekal 22 tahun jadi Perdana Menteri," katanya.

Justeru, Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir sepatutnya memberikan sokongan dan bukannya menimbulkan isu yang boleh mengeruhkan lagi keadaan.

**tt**  
*Saya tidak gusar dengan apa yang berlaku... saya akan tetap berjuang habis-habisan selagi parti dan rakyat menyokong saya, amanah akan saya junjung dantetap dengan perjuangan"*

Najib Razok,  
Perdana Menteri

"Jadi, janganlah lupa, waktu dia jadi Perdana Menteri, kita sokong dia penuh. Sekarang dia tidak jadi Perdana Menteri, sokonglah pula. Kalau tak boleh sokong, janganlah bunyi sangat," katanya.

Najib turut menyatakan pencbrian kukuhnya dengan mengemukakan faisafah Bugjs yang berbunyi 'kendati tergantung awan di langit, telah terlanjurku bentang layar. Walau badai datang menggunung, walau berdentuni guruh di langit, walau bumi berkeping dua, takkan mungkin ku berbalik haluan'

Takgusar hadapi cabaran Terdahulu di Kota Belud, Najib menegaskan beliau tidak sesekali gusar dengan apajuga cabaran terhadap kepemimpinannya.

"Saya tidak gusar dengan apa yang berlaku... saya akan tetap berjuang habis-habisan selagi parti dan rakyat menyokong saya, amanah akan saya juiyung dan tetap dengan perjuangan.

"Insya-AUah kita akan terus mengukir masa depan (negara) yang lebih gemilang," katanya ketika merasmikan Projek Perumahan Rakyat (PPR) Kota Belud di Kampung Pirasan, yang disambut tepukan dan sorakan bergemuruh ribuan hadirin.

Dalam ucapan secara santai tetapi penuh bersemangat itu, Najib yang juga Presiden UMNO meminta semua pihak khususnya ahli UMNO serta rakyat secara keseluruhannya bersatu dan merapatkan barisan demi kemajuan negara.